

**Pandangan terakhir Karpal mengenai hudud, Akta Hasutan dan hubungan dalam Pakatan**

**Malaysian Insider**

**April 29, 2014**

**OLEH LEE SHI-IAN**

Sebelum terlibat dengan kemalangan maut pada 17 April lalu, Karpal Singh (gambar) ditemui lidah rasmi DAP, The Rocket dalam satu wawancara memberikan pandangan dan menceritakan perjuangan politik termasuk isu hudud, Akta Hasutan yang dikenakan dakwaan, serta hubungan PAS dan PKR yang kadang kala berbeza pendapat dengan DAP. Wawancara dengan Karpal yang terdapat dalam laman web The Rocket edisi April disiarkan semula dengan kebenaran.

Soalan (S): Anda begitu lantang bersuara mengenai isu yang dekat di hati anda dan tidak pernah berundur daripada pendirian mengenai isu yang pemimpin DAP lain tidak berani suarkan. Mengapa?

Jawapan (J): Saya dipilih oleh rakyat di kawasan Parlimen saya dan sudah menjadi tugas sebagai wakil rakyat saya menyuarakan pandangan mereka. Selagi undang-undang dipatuhi dan selari dengan prinsip demokrasi yang diamalkan, tiada seorang pemimpin pun perlu takut menyatakan pendapat.

Amat sedih bagi DAP jika kita mengambil sikap berdiam diri dengan harapan enggan terlibat dalam sebarang masalah sedangkan ia membabitkan kepentingan parti dan negara. Saya lantang menyuarakan sesuatu isu yang dekat di hati saya dan rakyat yang saya wakili, bukan hanya mewakili parti semata-mata. Sudah tentu pendirian parti juga selari dengan perlembagaan.

S: Adakah pendekatan politik anda sekarang berubah sejak DAP menjadi sebahagian Pakatan Rakyat (PR)?

J: Tiada istilah pendirian peribadi dalam politik; pendekatan mesti seiring dengan prinsip parti. Setiap kita memang ada gaya tersendiri. Hasil keputusan muktamad itu yang perlu diambil kira. Setiap kata-kata saya akan mencerminkan motif dan objektif parti.

S: Anda rasa media yang dikawal BN sering memutarbelitkan kenyataan anda sehingga menyimpang luar konteks?

J: Kadang kala mereka putar kenyataan saya dan bukan senang nak betulkan semula

sebab kadang kala perkara yang sudah dibetulkan pun tidak disiarkan.

S: Teguran anda dilihat sebagai berprinsip kepada sesetengah penyokong kuat DAP. Namun bagi penyokong rakan DAP, terutamanya pengundi Melayu PAS teguran anda membangkitkan kemarahan mereka terutamanya mengenai isu hudud dan negara Islam. Jelaskan.

J: Sudah tertulis kita bukan negara Islam. Malaysia adalah negara sekular dan peruntukan Perlembagaan sudah jelas. Tiada ruang untuk undang-undang hudud dalam negara ini. Setiap kata-kata berlandaskan undang-undang dan sebab kukuh.

Bukan mudah buat rakan PAS yang mempunyai prinsip dan ideologi tersendiri untuk menerimanya. Namun pada masa sama pendirian DAP konsisten dengan undang-undang dan perlembagaan. Mereka perlu menerimanya walaupun ia menyakitkan. Kami harap mereka faham tindakan saya ini bukan berniat jahat.

Bukan kerja mudah kerana kadang kala ia kami perlu berbaik semula walaupun kami tidak pernah sehaluan tentang sesuatu perkara.

Bagaimana kita dapat melakukannya? Amat penting untuk kita nyatakan prinsip dan pada masa sama memenuhi kehendak pengundi. Kejayaan kita sekarang adalah disebabkan keyakinan yang diberikan rakyat. Saya rasa tidak patut kita mengkhianatinya. Amat jelas sokongan daripada akar umbi menunjukkan apa yang saya perjuangkan selama ini.

Amat sukar untuk seimbangkan kepentingan parti dan sekutu lain terutamanya PAS dan DAP. Perkara ini amat sukar terutamanya menyentuh isu sensitiviti namun pendirian parti mesti jelas dibuat.

S: Jika ada penyokong hudud mahu mengemukakan referendum, apa pendirian DAP mengenainya? Adakah hudud akan dilaksanakan jika punya undi majoriti?

J: Pungutan suara atau apa saja yang membabitkan proses undian mesti selari dengan peruntukan perlembagaan seperti kandungan dan terma rujukan yang terdapat dalam referendum.

Terdapat beberapa peruntukan dalam perlembagaan yang membentuk struktur asas undang-undang. Sebarang cubaan mengubah struktur asas yang akhirnya akan merosakkan perlembagaan, itu tidak boleh dilakukan.

Isu hudud pernah menjadi persoalan dalam mahkamah pada tahun 1988 dan ia mungkin akan berlaku lagi. Disebabkan itu, Mahkamah Persekutuan sebulat suara memutuskan bahawa negara ini diperintah oleh undang-undang sekular sekaligus membawa maksud Malaysia bukanlah negara Islam. Anda tidak boleh mempunyai sebuah negara Islam jika masih undang-undang sekular masih diamalkan.

S: Dalam erti kata lain, seluruh Perlembagaan perlu ditulis semula?

J: Struktur asas dalam Perlembagaan perlu diubah sama sekali. Ia akan merosakkan dokumen yang selama ini dipatuhi semua rakyat Malaysia. Ia adalah kontrak sosial dan kita perlu berpegang teguh kepada terma kontrak.

S: Setiap parti dalam PR mempunyai kekuatan sendiri dan rakyat tahu setiap parti mempertahankan pendirian masing-masing. Bagaimana kerjasama mudah ini diubah kepada kerjasama tulen selepas 15 tahun berjuang bersama?

J: Sudah tentu kerjasama itu boleh dipertingkatkan. Menjadi kepentingan parti untuk bekerjasama di tahap tertinggi dengan harapan akhirnya mendapat sokongan padu daripada rakyat. Perlu ada kerjasama kukuh daripada peringkat akar, bukan hanya label semata-mata. Kita perlu usaha untuk dilihat lebih praktikal. Tidak timbul persoalan mengenai gabungan DAP-PAS memandangkan kedua-duanya mempunyai ideologi berbeza.

Keputusan pada tahun 2008 dan 2013 amat luar biasa. Siapa boleh bayangkan melalui kerjasama PAS dan DAP kita ada 89 kerusi di Parlimen dan usaha ini boleh diperbaiki lagi jika kerjasama ditingkatkan.

S: Mengenai isu Allah, apa pandangan anda mengenai pendirian PR?

J: Ia satu perkara baik apabila pemimpin pelapis PAS setuju perkataan "Allah" boleh digunakan oleh bukan Islam dan disokong oleh negara Islam lain yang turut berpendapat "Allah" bukan hak mutlak penganut Islam.

S: Apa pandangan anda mengenai Akta Hasutan? Mengetepikan takrifan hasutan mengikut cara BN. Bagaimana anda menafsirkan sesuatu yang mempunyai unsur hasutan dan dianggap menghasut?

J: Hasutan itu bersifat kuno. Semasa zaman penjajah ia digunakan untuk menyekat suara rakyat dan menahan individu yang melawan kerajaan. Apa saja perkataan yang menentang kerajaan dianggap sebagai menghasut.

Tetapi memandangkan negara sudah mereka semua itu perlu dihapuskan.

Akta Hasutan itu undang-undang yang ditubuhkan pada tahun 1948. Sudah 66 tahun berlalu rasanya undang-undang itu perlu ditamatkan sejak dulu lagi.

Malah perdana menteri dalam kenyataan umum mengatakan akta itu akan digubal namun ia tidak berlaku. Sebaliknya ia dikuatkuasakan dengan lebih agresif sehinggakan beberapa pemimpin didakwa di mahkamah menggunakan Akta Hasutan.

S: Apa yang mendorong anda untuk menempuh dugaan ini dan terus kekal dalam dunia politik?

J: Saya sering berfikir sebagai peguam. Terjun dalam dunia politik adalah semula jadi kerana politik melengkapkan undang-undang.

Selepas rusuhan 13 Mei 1969, saya mengambil keputusan untuk menyertai parti berbilang kaum bagi memastikan apa yang terjadi tidak akan berulang lagi. DAP adalah parti terbaik yang saya sertai sejak tahun 1970 dan masih kekal sehingga kini.

Saya akan teruskan perjuangan ini selama mana yang mampu, jika kesihatan mengizinkan. Saya percaya saya masih boleh menyumbang walaupun ada tekanan dari luar yang menghalang.

Jika ada sesiapa yang menyimpan hasrat untuk menjadi wakil rakyat, anda mesti bersedia untuk bangkit mempertahankan hak rakyat yang anda wakili. Jangan gentar untuk suarakan pendapat. Jika takut terjebak dalam masalah maka anda buat pilihan yang salah. – 29 April, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pandangan-terakhir-karpal-mengenai-hudud-akta-hasutan-dan-hubungan-dalam-pa>